

YTSP derma mesin rawatan mata

» Peralatan boleh dimanfaat
20 pesakit sebulan di HTF

BH/CS.8.12/21.1.61 PS

Oleh Shahidi Shahidan

bhnews@bharian.com.my

Arau

Yawasan Tuanku Syed Putra (YTSP), kelmarin, menyumbangkan sebuah mesin rawatan mata, 'Argon Laser' kepada Hospital Tuanku Fauziah (HTF) bagi menampung keperluan pesakit di negeri itu.

Mesin bernilai RM170,000 itu disumbangkan Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail kepada Timbalan Pengarah Klinikal Perubatan HTF, Dr Abd Karim Abdullah, di

Istana Arau, di sini.

Setiausaha Kehormat YTSP, Datuk Johari Mohd Darus, berkata mesin 'Argon Laser' yang disumbangkan itu dijangka mampu dimanfaat kira-kira 20 pesakit sebulan dengan purata kos rawatan RM20,000 sebulan.

"Sumbangan mesin ini diharap dapat membantu pihak hospital menawarkan rawatan segera kepada pesakit di HTF tanpa perlu dirujuk ke hospital lain untuk rawatan laser."

"Dengan adanya mesin ini juga ia dijangka dapat mengurangkan bebanan kos pesakit jika perlu mendapatkan rawatan laser di pusat rawatan swasta," katanya

pada majlis berbuka puasa Istana Arau bersama anak yatim dan majlis sumbangan mesin 'Argon Laser'.

Seramai 134 anak yatim dan 27 warga emas yang juga penghuni rumah kebaikan sekitar Perlis dijemput pada majlis itu.

Turut berangkat mencemar duli, Raja Perempuan Perlis, Tuanku Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid; Raja Muda Perlis merangkap Pengerusi YTSP, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Laillatul Shahreen Akashah Khalil.

Johari berkata, mesin laser bagi rawatan mata di HTF sebelum ini uzur dan tidak boleh dibaiki hingga menyebabkan pesakit terpaksa dirujuk ke Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar, Kedah.

"Biasanya pesakit terpaksa pergi sendiri atau diuruskan pihak hospital. Walaupun terdapat alternatif lain seperti mendapatkan rawatan di hospital swasta, ia membabitkan kos tinggi."

"Caj dikenakan hospital swasta untuk setiap pesakit bagi satu sesi rawatan bagi kedua-dua belah mata adalah RM1,000," katanya.

Difahamkan, seramai 75 pesakit menjalani rawatan berkenaan sepanjang 2008, 100 pesakit (2009) dan meningkat sehingga 120 pesakit pada 2010.